



ANUGERAH LAILATUL QADAR

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ

أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,



Bersyukur kita kerana Allah Subhanahu wa-Ta'ala masih memberikan kita peluang untuk merebut pahala berlipat kali ganda dalam sepuluh malam terakhir pada bulan Ramadan, mudah-mudahan kita bertemu dengan Lailatul Qadr.

Firman Allah dalam Surah al-Qadr ayat 1 hingga 5:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ

أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ نَزَّلَ الْمَلَكُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ

حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Lailatul-Qadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Lailatul-Qadar itu?, Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan., Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut);, Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!.”

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,



Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam menggalakkan umatnya agar berusaha mencari Lailatul Qadr, kerana ia merupakan satu anugerah khas buat umatnya. Pada sepuluh terakhir Ramadhan ini umat Islam seluruh dunia memenuhi masjid-masjid untuk beramal soleh dan beriktikaf. Maka dengan itu, jawatankuasa masjid jangan mengunci masjid sebaliknya, berilah ruang seluas-luasnya kepada ahli jemaah untuk beribadah dalam masjid sepanjang masa siang dan malam pada sepuluh malam terakhir Ramadhan. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوَتْرِ، مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ

Yang bermaksud: “Carilah lailatul qadar pada sepuluh malam ganjil terakhir di bulan Ramadan”.

Rasululullah Sallallahu Alaihi Wasallam beriktikaf di masjid pada 10 malam terakhir Ramadan. Antara sunnah yang dilaksanakan oleh Baginda pada bulan Ramadhan ialah beriktikaf di masjid. Ibnu Umar berkata dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ



Yang bermaksud: *“Adalah Rasulullah sallallahu alaihi wasallam beriktikaf pada sepuluh terakhir bulan Ramadan.”*

Iktikaf bermaksud duduk dalam masjid oleh seseorang dengan niat beribadat kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Iktikaf tidak terikat dengan waktu bahkan sunat beriktikaf pada setiap waktu, sama ada di bulan Ramadan mahupun di bulan-bulan lain. Cuma ia lebih dituntut dan afdhal, jika dilakukan pada 10 malam terakhir bulan Ramadan kerana fadhilat beriktikaf pada bulan tersebut lebih besar ganjaran pahalanya berbanding selainnya.

Iktikaf Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dimaksudkan dalam hadith yang dibacakan tadi sebagaimana dijelaskan oleh Imam As-Syafi‘, “Bagi orang yang ingin mendapatkan pahala sunnah (mengikut perbuatan Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam melakukan iktikaf 10 terakhir bulan Ramadan) hendaklah dia mula masuk masjid dengan berniat beriktikaf pada malam ke 21 Ramadan dan keluar daripada masjid pada malam hari raya. Malahan lebih afdhal lagi jika dia meneruskan iktikaf dalam masjid pada malam hari raya dan keluar selepas menunaikan solat hari raya. Untuk menghidupkan sunnah ini bolehlah jawatankuasa masjid merancang pengisian program bagi membolehkan ahli jemaah beriktikaf secara berterusan sepanjang 10 malam terakhir Ramadan.



Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud:

“Saya pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seandainya saya mengetahui Lailatul Qadr dengan tepat. Apa yang patut saya akan doakan pada saat itu. Baginda menjawab berdoalah dengan doa berikut:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا

Yang bermaksud: *"Ya Allah Ya Tuhanku sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan sentiasa memberi keampunan di atas kesalahan hamba-Mu oleh itu maafkanlah segala kesalahanku . ”*

Terdapat juga riwayat yang sahih yang menyatakan tanda-tanda berlakunya Lailatul al-Qadr. Dalam Sahih Muslim, Ubai bin Ka'ab pernah menyatakan:

وَأَمَارَتُهَا أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فِي صَبِيحَةٍ يَوْمِهَا بَيَضَاءٌ لَا شُعَاعَ لَهَا

Yang bermaksud: *"....Antara tanda al-Qadr ialah ialah matahari terbit pada paginya dalam keadaan bercahaya tetapi tidak terik kepanasan.”*

Dalam hadith Imam Ahmad, Aishah Radhiallahu anha menyatakan:

“Adalah Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam berusaha bersungguh-sungguh (beribadah) pada sepuluh akhir (Ramadan) melebihi kesungguhannya pada bulan-bulan yang lain”

Imam al-Syafie rahimahullah juga pernah menyatakan: Sesiapa yang mendirikan solat Isya’ dan Subuh pada Lailatul Qadr, maka dia akan memperoleh kebaikannya.”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ

حَكِيمٍ ﴿٤﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami menurunkannya pada suatu malam yang diberkati dan Sesungguhnya Kami-lah yang memberi peringatan. Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي



هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.